

2.9 AKTIVITI KAWALAN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

2.9.1 Pengenalan


Matlamat Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor ialah untuk mencegah dan mengawal kejadian penyakit bawaan vektor di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Antara penyakit bawaan vektor yang utama ialah demam denggi, chikungunya dan malaria. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk Pemeriksaan Pembiakan Aedes, Semburan Ruang Termal, Semburan Ruang ULV, *Larvaciding* dan gotong royong bersama masyarakat bagi membasmi denggi.

2.9.2 Trend Kejadian Demam Denggi

Sebanyak 5,001 kes demam denggi (demam denggi: 4,672 kes dan demam denggi berdarah: 329 kes) dengan 12 kematian telah dilaporkan pada tahun 2008 di WPKL. Daripada jumlah kejadian demam denggi ini, 50.3% (2,516) adalah positif secara serologi, 9.9% (494) negatif dan selebihnya 39.8% (1991) pula tiada keputusan. Penurunan kadar insiden demam denggi bagi 100,000 penduduk iaitu sebanyak 302.2 (32%) juga dapat dilihat pada tahun 2008 (Rajah 14).

Di PKD Putrajaya sebanyak 238 kes dilaporkan dengan 1 kematian. Daripada jumlah kes ini 52% (124) kes adalah serologi positif.


Rajah 14: Kejadian Demam Denggi dan Kadar Insiden DD bagi 100,00 penduduk WPKL, 2004 hingga 2008



2.9.3 Purata Kes Mingguan

Pada tahun 2008, purata kes mingguan adalah sebanyak 94. Ini menunjukkan penurunan kes demam denggi ketara pada tahun 2008 bagi tempoh lima tahun (2004-2008 (Rajah 15)).


Rajah 15: Purata kes mingguan berbanding jumlah bilangan kes demam denggi di WPKL, 2004 hingga 2008



2.9.4 Taburan Kes dan Kematian Demam Denggi mengikut Zon


Sepanjang tahun 2008, Zon Setapak mencatatkan kejadian kes tertinggi manakala Zon Damansara mencatatkan kes paling rendah. PKD Putrajaya pula mencatatkan sebanyak 238 kes. Kesemua Zon di WPKL menunjukkan penurunan kes jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Walaubagaimanapun PKD Putrajaya telah menunjukkan peningkatan yang amat ketara iaitu sebanyak 71% (Rajah 16).

Rajah 16: Taburan Kes Demam Denggi Mengikut Zon di WPKL dan Putrajaya, 2007 dan 2008



Sebanyak 12 kes kematian dilaporkan di WPKL berbanding 23 kes pada tahun 2007. Taburan kes kematian mengikut zon ditunjukkan dalam Rajah 4. Zon Kepong dan Zon Klang Lama masing-masing mencatatkan 3 kes kematian, 2 kes kematian masing-masing di Zon Pusat Bandar, Zon Cheras, Zon Setapak dan 1 kes kematian di Daerah Putrajaya (Rajah 17).

Rajah 17: Taburan Kes Kematian Demam Denggi Mengikut Zon WPKL dan Putrajaya, 2007 dan 2008



2.9.5 Aktiviti yang dijalankan

Sepanjang tahun 2008, fokus utama Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor ialah menurunkan peratus kejadian demam denggi, demam denggi berdarah dan kematian denggi dengan membuat pemeriksaan pembiakan aedes, semburan kabus, gotong royong basmi denggi, mini kempen, ceramah atau taklimat dan kursus.

2.9.5.1 Pemeriksaan Pembiakan Aedes

Pemeriksaan Pembiakan aedes dijalankan bertujuan untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan aedes dan dalam masa yang sama memberi pendidikan kesihatan kepada masyarakat melalui nasihat individu serta pagedaran risalah. Aktiviti ini merangkumi pemeriksaan di premis:

- Rumah Kediaman
- Sekolah
- Tapak Binaan
- Rumah ibadat
- Kubur

Gambar 18: Aktiviti Pemeriksaan Pemiakan Aedes



Pemeriksaan Pemiakan Aedes di Perumahan Flat Sri Perak, Bandar Baru Sentul.



Pemeriksaan Pemiakan Aedes di Tapak Binaan Bukit Angkasa, Pantai Dalam.



Pemeriksaan Pemiakan Aedes di Kawasan Perkuburan Cina, Jalan Mewah.



Pemeriksaan Pemiakan Aedes di Kawasan Masjid Al-Muqurabbin, Bandar Tun Razak.



2.9.5.2 Semburan Kabus

Aktiviti semburan kabus adalah aktiviti utama yang dijalankan oleh pasukan Unit Vektor JKWPKL&P. Aktiviti ini bertujuan membunuh nyamuk aedes dewasa yang membawa virus denggi serta menghapuskan populasi nyamuk. Aktiviti ini juga meliputi semburan pencegahan yang dilakukan ke atas lokaliti atau kawasan yang mempunyai Aedes Indeks melebihi 1% atau *Breteau Indeks* melebihi 5 serta *Container Indeks* melebihi 5%.

Gambar 19: Aktiviti Semburan Kabus Termal dan ULV Swasta



Semburan Kabus Termal dan ULV Swasta di Lokaliti Wabak Tidak Terkawal di Taman Koperasi Polis 2, Kepong.

2.9.5.3 Gotong Royong Basmi Denggi

Beberapa aktiviti gotong royong yang melibatkan masyarakat telah dianjurkan oleh Unit Vektor JKWPKL&P dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta agensi luar seperti Pejabat Parlimen, Alam Flora dan Persatuan Penduduk.

Gambar 20: Aktiviti Gotong Royong Basmi Denggi



Gotong Royong Bersama Penduduk di Flat PKNS Jalan Kuching, Kepong.



Gotong Royong Bersama penduduk di Kg. Segambut Dalam.



Gotong Royong Basmi Denggi Bersama Penduduk di Kg. Padang Balang.



Gotong Royong Bersama Penduduk di Kuchai Enterprenur Park.

2.9.5.4 Mini Kempen Denggi

Kempen bebas denggi juga banyak dianjurkan oleh Unit Vektor, JKWPKL&P sepanjang tahun 2008. Tumpuan kempen bebas denggi lebih diutamakan di lokasi yang bermasalah wabak denggi bagi memberi kesedaran kepada masyarakat bahayanya demam denggi.

Gambar 21: Aktiviti Kempen Bebas Denggi



Kempen Denggi di Taman Beringin.



Kempen Denggi di Kuchai Lama.



Pameran Denggi di Karnival Sihat Sepanjang Hayat, Flat Sri Sabah





Kempen Denggi di Desa Tun Hussien Onn.



Kempen Denggi di Alam Damai Cheras.

2.9.5.5 Ceramah dan Taklimat

Ceramah dan taklimat mengenai demam denggi serta kepentingan mengawalinya telah banyak diberikan oleh Ketua Penolong Pengarah Vektor serta Pegawai Sains Kajiserangga semasa pameran serta kempen yang diadakan. Selain itu permintaan mengadakan ceramah serta taklimat denggi daripada agensi tertentu seperti rukuntetangga, kem tentera, pihak sekolah dan sebagainya turut dipenuhi.

Gambar 22: Aktiviti Ceramah dan Taklimat



Ceramah Denggi di Perumahan Tentera Desa Tun Hussien Onn, Setiawangsa.



Taklimat Bahaya Demam Denggi Kepada Kanak-Kanak di Flat Sri Sabah.

2.9.5.6 Kursus

Pelbagai kursus telah dihadiri oleh anggota Unit Vektor JKWPKL&P bagi memperkasakan dan mengukuhkan lagi pemahaman dalam bidang kawalan penyakit bawaan vektor.

Gambar 23: Aktiviti Kursus Yang Telah Dijalankan Sepanjang Tahun 2008



Kursus Pengurusan Wakab di Gua Musang
Anjuran JKN Kelantan.



Kursus Malaria di Sinderut, Anjuran Pejabat
Kesihatan Kuala Lipis Pahang.



Kursus Penggunaan Denggi Rapid Test Kit bersama Unit Vektor JKDBKL di Bilik Gerakan
Denggi, JKWPKL&P.



2.9.5.7 Kajian Kajiserangga

Pasukan Unit Vektor juga telah membuat kajian kajiserangga seperti kajian keberkesanan semburan kabus serta kajian penggunaan *Mosquito Larva Trapping Device* (MLTD).

Gambar 24: Aktiviti Kajian Unit Kajiserangga



Kajian Keberkesanan Semburan Kabus *Bioassay* di Keramat Wangsa



Kajian Penggunaan MLTD.

2.9.6 Aduan

Unit Vektor JKWPKL&P juga telah membuat siasatan terperinci mengenai aduan-aduan awam yang sampai di Bilik Gerakan denggi, JKWPKL&P.

Gambar 25: Aktiviti Siasatan dan Tindakan Terhadap Aduan-Aduan Yang Diterima



Aduan tempat pembiakan nyamuk di stor simpanan barang lusuh, di Bangsar.




Aduan Kutu Kucing di SK Taman Midah 2.

2.10 UNIT KAWALAN HIV DAN TB


2.10.1 UNIT KAWALAN PENYAKIT HIV/AIDS

Bagi tahun 2008, sebanyak 224 kes pesakit HIV telah dilaporkan manakala kes AIDS adalah seramai 76 orang. Kematian disebabkan AIDS adalah sebanyak 49 kes. Terdapat penurunan kes HIV pada tahun 2008 berbanding tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh perpindahan klinik pakar penyakit berjangkit dari Hospital Kuala Lumpur ke Hospital Sungai Buloh serta perubahan sistem notifikasi kes yang dahulunya berdasarkan tempat diagnosa dibuat telah diubah kepada alamat semasa pesakit, bermula pada bulan Julai 2007.

Rajah 18: Bilangan Kes HIV, Kematian dan Kadar Insiden, 1997-2008, JKWPKL&P




Rajah 19: Pecahan Kes HIV Mengikut Bangsa, 2008, WPKL




Kes Jangkitan HIV pada tahun 2008 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mengikut bangsa atau kaum, didapati bahawa kaum Melayu sebanyak 36%, diikuti kaum Cina 35%, kaum India 15%, warga asing sebanyak 11% manakala warga bumiputera Sabah dan Sarawak masing-masing 3% dan 4%.

Rajah 20: Pecahan Kes HIV Mengikut Jantina, 2008, di WPKL




Daripada pecahan mengikut jantina, pada tahun 2008 didapati 75% kes HIV yang dilaporkan adalah lelaki dan baki 25% adalah wanita.

Rajah 21: Kes HIV Yang Dilaporkan Mengikut Umur, 2008




Daripada rajah 21, kita dapati golongan umur yang tertinggi yang dilaporkan kes HIV bagi Tahun 2008 adalah golongan 30 tahun hingga 39 tahun iaitu sebanyak 40.86%, diikuti dengan golongan berusia 20 hingga 29 tahun sebanyak 22.31%, manakala golongan yang berusia 40 hingga 49 tahun pula sebanyak 20.87%.

Rajah 22: Pecahan Kes Mengikut Risiko Jangkitan HIV, 2008



Rajah 22 adalah pecahan kes HIV mengikut faktor risiko bagi 2003 hingga 2008. Majoriti pesakit HIV mendapat jangkitan daripada heteroseksual adalah faktor risiko yang paling tinggi, manakala melalui perkongsian jarum suntikan oleh pengguna dadah secara suntikan (IDUs) adalah yang kedua majoriti mendapat jangkitan HIV diikuti dengan jangkitan melalui hubungan homoseksual dan biseksual.

Rajah 23: Laporan Sumber Rujukan Saringan HIV JKWPKL&P 2008



Kesemua klinik kesihatan di WP Kuala Lumpur menawarkan perkhidmatan pengurusan HIV di peringkat penjagaan kesihatan primer. Dalam program ini beberapa program saringan HIV termasuk program saringan pra perkahwinan, saringan sukarela (*walk in*) dan saringan ibu mengandung (MTCT).

Pada tahun 2008, seramai 14,377 orang telah disaring untuk HIV melalui program saringan pra perkahwinan, 4820 orang telah disaring melalui program saringan ibu mengandung (PMTCT) dan 273 orang melalui saringan sukarela (*walk in*). Carta pai di atas menunjukkan pecahan klien yang mendapatkan saringan HIV di klinik-klinik kesihatan di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Jadual 66: Laporan Ringkas Aktiviti Yang Dijalankan

Perkara	Tarikh	Tempat	Catatan
Kursus <i>Sexually Transmitted Infection</i> 2008 – menggunakan <i>modified syndromic approach</i>	20-21 Februari 2008	Bilik Seminar Pergigian Blok C & Bilik Seminar Pemakanan Blok B, JKWPKL&P	
Kursus Pengendalian Jenazah HIV/AIDS Islam	13 Mac 2008	Masjid WP Kuala Lumpur	
Jelajah RibenMerah Institusi Pengajian Tinggi Kuala Lumpur 2008	Sepanjang April dan Mei 2008	<ul style="list-style-type: none"> • German Malaysian Institute • Kolej Technology Cybernatic • Kolej Poly-Tech MARA • Institut Kemahiran Baitulmal • Kuala Lumpur Metropolitan University College • Pusat Giat MARA K.Lumpur 	
Pelancaran Jelajah Riben Merah Institusi Pengajian Tinggi Kuala Lumpur 2008	16 April 2008	Institut Profesional Baitulmal, Taman Maluri	Disempurnakan oleh Dr. Hj. Sallehuddin Abu Bakar (TPK Kesihatan Awam, JKWPKL&P).
Kem Pembimbing Rakan Sebaya PROSTAR Sekolah	23-25 Mei 2008	Bakaugruv Kampung Resort, Tanjung Sepat, Sepang, Selangor	Sebanyak 32 buah sekolah menengah seluruh WPKL telah menyertai kem ini.
Karnival Remaja Peringkat Kebangsaan	14 Jun 2008	SMK Seri Permaisuri	Booth unit HIV /AIDS telah dinobatkan sebagai booth terbaik sepanjang karnival.

Jadual 66: (Samb.)

Perkara	Tarikh	Tempat	Catatan
Lawatan ke PT Foundation bersama Pasukan Pengurusan HIV Klinik Kesihatan WPKL	21 Jun 2008	PT Foundation, Jalan Ipoh Kechil & Jalan TAR	
Minggu Mesra Siswa Universiti Koperasi M'sia	3 Julai 2008	Dewan Mahasiswa UNIKOP	
Jelajah Riben Merah - Pusat Perlindungan & Pemulihan Akhlak WP Kuala Lumpur	12, 23 & 30 Julai 2008	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Perlindungan Kanak-Kanak Tengku Budriah • Rumah Perlindungan Tunas Bakti • Asrama Sentosa 	
Program Minggu Kesedaran HIV/AIDS SMK Miharja	15 Julai 2008	SMK Taman Miharja	
Program Minggu Kesihatan HIV/AIDS	22 Julai 2008	SMK Taman Maluri	
Karnival Kesihatan Sempena Minggu Konvoquesyen UM	25-27 Julai 2008	Dataran Dewan Canselor UM	
Program Remaja Sihat, Minda Cemerlang	27 Ogos 2008	SMK (P) Jalan Ipoh	
Titian Kasih Ramadhan	20 September 2008	<ul style="list-style-type: none"> • Wad-wad Perubatan Hospital KL • Wad Kanak-kanak Hospital KL • Asrama Darul Falah PERKIM (ASDAF) Bangsar, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia • Masjid Asy-Shifa', Hospital KL 	
Bengkel Wanita, Gadis dan HIV	23-24 Oktober 2008	Hotel City bay View, P. Pinang	
Majlis Pelancaran Jelajah Riben Merah Sekolah Menengah WPKL	28 Oktober 2008	SMK Taman Setiawangsa	
Jelajah Riben Merah Sekolah Menengah WPKL	28-31 Oktober 2008	<ul style="list-style-type: none"> • SMK Taman Setiawangsa (Zon Keramat) • SMK Taman Tun Dr. Ismail (Zon Bangsar) • SMK Raja Ali (Zon Sentul) • SMK Seri Mulia (Zon Pudu) 	

Jadual 66: (Samb.)

Perkara	Tarikh	Tempat	Catatan
Kursus Pemantapan Pengurusan PMTCT	7-9 November 2008	Shah's Beach Resort, Tanjung Kling, Melaka	
Program Suntikan Vaksin Hepatitis B Bersama Kumpulan Terpinggir	10 November dan 10 Disember 2008	DIC Program Wanita, PT Foundation, Bangunan Sony, Jalan TAR	
Fiesta Remaja Ceria dan Cemerlang KL 2008	16 November 2008	Dataran Eye On Malaysia	
Health and Wellness Day Standard Chartered	25-26 November 2008	Standard Chartered Scope International	
"HIV/AIDS Exhibition And The Killer Drama" Sempena Sambutan Hari Aids Sedunia	29 November -1 Disember 2008	Pentas Utama, Cheras Leisure Mall	
Sambutan Hari AIDS Sedunia Unilever Berhad	1 Disember-5 Disember 2008	Ruang Legar Utama, Menara TM, Pantai	
Red Carnival – World AIDS Day 2008	29 November 2008	Lokasi Pelancaran & Pentas Utama (Plaza Sungei Wang, Bukit Bintang)	11 lokasi 'pitstop' Sukarelawan
Video Conference On World Aids Day 2008	12 Disember 2008	JICA-Net Malaysia, Menara City, KL	
Sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Kebangsaan	16 Disember 2008	Sunway Resort 7 Hotel, Bandar Sunway, PJ	
Lawatan Pemantauan Program Pencegahan dan Kawalan Hiv/Aids Bagi Tahun 2008	Sepanjang Ogos 2008	Klinik-Klinik Kesihatan WP Kuala Lumpur	
Program Saringan HIV Pra Perkahwinan			

Gambar 26: Aktiviti Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2008



Kursus *Sexually Transmitted Infection*.



Kursus Pengendalian Jenazah HIV/AIDS Islam.



Majlis Pelancaran Jelajah Riben Merah Institusi Pengajian Tinggi.



Kem Pembimbing Rakan Sebaya PROSTAR Sekolah.



Karnival Remaja Peringkat Kebangsaan 2008.



Lawatan ke PT Foundation bersama Pasukan Pengurusan HIV Klinik Kesihatan WPKL.



Minggu Mesra Siswa Universiti Koperasi Malaysia.



Jelajah Riben Merah (Pusat Perlindungan dan Pemulihan Akhlak WP Kuala Lumpur).



Program Minggu Kesedaran HIV/AIDS
SMK Miharja.



Karnival Kesihatan Sempena Minggu
Konvokesyen Universiti Malaya.



Program Remaja Sihat, Minda Cemerlang.



Program Titian Kasih Ramadhan.



Bengkel Wanita, Gadis dan HIV.



Kursus Pemantapan Pengurusan PMTCT.



Program Suntikan Vaksin Hepatitis B Bersama
Kumpulan Terpinggir di PT Foundation.




Program Red Carnival – World AIDS Day
2008.

2.10.2 UNIT KAWALAN PENYAKIT TIBI


2.10.2.1 Notifikasi

Penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seramai 1,640,400 pula mencatatkan sebanyak 1,387 kes, kadar insiden meningkat kepada 86/100,000 penduduk. Didapati notifikasi juga pada tahap yang tinggi berbanding kes pada tahun sebelumnya. Keadaan ini terjadi di sebabkan kesedaran notifikasi oleh pengamal perubatan dan bertambahnya pusat rawatan swasta dan juga termasuk faktor-faktor pertambahan penduduk di wilayah dengan keadaan politik dan sosio ekonomi yang baik. Graf di bawah menunjukkan notifikasi, kadar insiden dan bilangan kes mengikut bulan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.


Rajah 24: Kadar Notifikasi TB, 1996-2008, JKWPKL&P



Rajah 25: Kadar Insiden/100 000 Penduduk 1996-2008, JKWPKL&P




Rajah 26: Bilangan Notifikasi Kes Tibi Mengikut Bulan, 2008, JKWPKL&P



2.10.2.2 Kes Yang Dilaporkan Mengikut Kategori

Didapati pecahan mengikut jenis tibi adalah seperti berikut Carta Pai yang mana kes PTB kahak positif mencatatkan kes yang paling tinggi iaitu 636 kes (45.8%) PTB kahak positif dan diikuti dengan 490 kes (35.3%) PTB kahak negatif dan extra PTB mencatatkan 261 kes iaitu (18.8%).

Rajah 27: Bilangan Kes Tibi Mengikut Kategori,2008, JKWPKL&P




2.10.2.3 Bilangan Kes Tibi Mengikut Peringkat Umur

Dari keseluruhan kes yang dilaporkan pada tahun 2008, didapati peringkat umur yang berisiko adalah antara 25 hingga 34 tahun yang mana mencatatkan kes sebanyak 370 kes daripada semua kes. Peringkat umur ini adalah peringkat umur

yang aktif iaitu pesakit yang mendapat penyakit ini adalah berpunca daripada persekitaran tempat di mana mereka tinggal dalam keadaan persekitaran yang sesak dan dari segi risiko perubahan iaitu dalam peringkat umur telah bekerja dan ada antara mereka merokok. Dan menghidap penyakit lain seperti diabetes, HIV dan sebagainya.


Rajah 28: Graf Menunjukkan Kes Tibi Mengikut Peringkat Umur, 2008



2.10.2.4 Pesakit Tibi Mengikut Etnik

Dari keseluruhan tahun 2008, didapati kaum melayu yang telah banyak mendapat jangkitan tibi iaitu sebanyak 40% iaitu kes dan diikuti bukan warganegara 27% dan dengan kaum Cina mencatatkan 20 %

Rajah 29: Pesakit Tibi Mengikut Etnik




2.10.2.5 Bilangan Kes Mengikut Jantina

Dari keseluruhan kes yang dilaporkan pada tahun 2008, didapati berdasarkan jantina pula didapati lelaki telah mendapat jangkitan tertinggi iaitu mencatatkan kes sebanyak 855 kes (68%) berbanding perempuan yang selebihnya. (Sila rujuk carta pai 2)

Berdasarkan data ini kemungkinan berpunca daripada pergerakan lelaki yang aktif seperti keluar bekerja dan terdedah kepada pelbagai faktor persekitaran dan perubahan.

Rajah 30: Pesakit Tibi Mengikut Jantina



2.10.2.6 Bilangan Kes TB/HIV

Pada tahun 2008 didapati kes tibi yang telah dijangkiti tibi dan hiv adalah 88 orang. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur semua kes TB yang didiagnosa diwajibkan menjalani pemeriksaan HIV, dengan itu kes HIV dapat dikesan lebih awal.

2.10.2.7 Pencapaian Sputum Conversation Rate (SCR)

Pada keseluruhannya pada tahun 2008, JKWPKL&P mencapai 92.6% *Sputum Conversation Rate*. Sasaran melebihi 85% telah tercapai sepenuhnya. Kewujudan seramai 85 *Defaulter* dan 47 kematian tibi menyebabkan pencapaian tidak tercapai 100%. Namun langkah-langkah penambahbaikan telah diambil dengan cara mengesan semua kes-kes *defaulter* dan pemantauan dilakukan untuk penambahbaikan.

2.10.2.8 Pencapaian BCG

Jadual 67: Pencapaian BCG

Kelahiran Hidup	Suntikan BCG	Peratus
31,333	28,320	90.4

2.10.2.9 Aktiviti Pendidikan Kesihatan

- Karnival Sihat Sepanjang Hayat Di Flat Seri Sabah
Aktiviti ini dijalankan pada 24 Mac 2008 yang bertempat di Flat Seri Sabah. Objektif aktiviti ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai berhubung penyakit tibi, langkah pencegahan serta rawatan dan mengadakan program saringan TB dikalangan komuniti yang berhampiran dengan klinik yang terpilih agar individu yang berisiko tampil menjalani ujian saringan tibi. Antara aktiviti yang dijalankan ialah:
 - a) Pameran Dan Pemeriksaan Kesihatan
 - b) Saringan Penyakit Tibi
 - c) Ceramah Dan Workshop
 - d) Majlis Pelancaran Minggu Kesedaran Penyakit Tibi Dan Respiratori
- Bengkel TBIS
Bengkel ini telah di adakan Hotel Seri Malaysia Melaka, Port Dickson pada 25 hingga 27 April 2008. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan mengenai pengurusan klinikal, pencegahan dan pemantauan tibi.

Gambar 27: Aktiviti Program Pendidikan Kesihatan



Peserta Bengkel TBIS bergambar beramai-ramai, yang diadakan pada April 2008.



Peserta Bengkel TBIS-BCG yang diadakan pada 29 Januari & 16 Oktober 2008.

2.11 UNIT KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR


Fungsi utama Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar ialah menyediakan perkhidmatan kesihatan pekerjaan dan alam sekitar yang komprehensif bagi mencegah mobiliti dan mortaliti serta meningkat dan mengekalkan kesihatan setiap pekerja JKWPKL&P dan anggota masyarakat. Semua aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Alam Sekitar 1974, Peraturan-peraturan, Garis Panduan, Kod Amali dan arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

2.11.1 Program Imunisasi Hepatitis B Untuk Kakitangan


Program Imunisasi Hepatitis B untuk kakitangan merupakan antara program utama dalam aktiviti Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar. Program ini dijalankan untuk Kumpulan 1 (Definisi: Anggota KKM yang tidak pernah mendapat imunisasi hepatitis B atau yang telah mendapat imunisasi hepatitis B tetapi tidak lengkap) dan Kumpulan 2 (Definisi: Anggota KKM yang telah menerima imunisasi hepatitis B yang lengkap sebelum ini tetapi tidak mengetahui status imunisasi mereka). Carta pai dibawah menunjukkan pencapaian imunisasi Hepatitis B mengikut kumpulan di bawah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi tahun 2008.

Rajah 31 menunjukkan pencapaian imunisasi Hepatitis B di kalangan kakitangan JKWPKL&P dari kumpulan 1 adalah 1034 orang (85.3%) yang mendapat suntikan manakala manakala 178 orang (14.7%) yang belum mendapat suntikan Hepatitis B. Rajah 32 menunjukkan pencapaian imunisasi Hepatitis B di kalangan kakitangan JKWPKL&P dari kumpulan 2 adalah 481 orang (96.4%) yang mendapat suntikan manakala manakala 18 orang (3.6%) yang belum mendapat suntikan Hepatitis B.

Rajah 31: Pencapaian Hepatitis B
(Kumpulan 1/2008)



Rajah 32: Pencapaian Hepatitis B
(Kumpulan 2/2008)




2.11.2 Program Survelan Tercucuk Benda Tajam (Sharp Injuries Surveillance)

Dalam program ini premis kesihatan yang mempunyai kes insiden tersusuk benda tajam dikehendaki melaporkan insiden tersebut kepada unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar negeri dalam tempoh masa 1 bulan. Hasil survelan mendapati kes tercucuk benda tajam adalah sebanyak 45 kes pada tahun 2008.

Rajah 33 menunjukkan peratus bilangan kes tercucuk jarum mengikut kategori jawatan yang terlibat. Bagi tahun 2008, sebanyak 14 kes (31.1%) adalah dikalangan Doktor, Doktor Gigi sebanyak 1 kes (2.2%), Jururawat sebanyak 13 kes (28.9%), Jururawat Masyarakat sebanyak 2 kes (4.4%), Pembantu Perubatan (MA) sebanyak 2 kes (4.4%), Pembantu Am sebanyak 3 kes (6.7%), Doktor Pelatih sebanyak 5 kes (11.1%), Pembantu Pembedahan Gigi sebanyak 3 kes (6.7%) dan seterusnya Jururawat Pelatih sebanyak 1 kes (2.2%).

Rajah 33: Taburan Kes Tercucuk Jarum Mengikut Kategori Jawatan




2.11.3 Klinik Kesihatan Pekerjaan

Klinik ini dijalankan di Poliklinik Komuniti Tanglin pada setiap hari Khamis. Klinik dijalankan oleh Pakar-pakar Kesihatan Pekerjaan dari JKWPKL&P, KKM dan Institut Penyelidikan Perubatan. Kes-kes yang dirawat adalah seperti di Rajah 34.

2.11.4 Program Alam Sekitar

Bagi program ini, Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar telah menjalankan pengukuran Kualiti udara dalaman secara rawak di Unit CDC dan HIV/AIDS pada 16 September 2008. Hasil pengukuran mendapati Kualiti Udara di Unit CDC dan HIV/AIDS adalah baik dimana kadar pertukaran udara adalah 15 pusingan sejam.

Rajah 34: Pencapaian kes Klinik Kesihatan Pekerjaan



2.11.5 Program Pencegahan Kebakaran

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi latihan dan pengetahuan kepada kakitangan dalam menghadapi keadaan kecemasan semasa berlakunya kebakaran. Ceramah dan latihan telah dijalankan sebanyak 2 kali

Gambar 28: Aktiviti Program Pencegahan Kebakaran



Seorang kakitangan DOSH sedang melakukan ujian kepekatan CO₂.



Kakitangan sedang menjalankan ujian IAQ (Indoor Air Quality).



Anggota Bomba sedang menunjukkan cara menggunakan alat pemadam api.



Seorang anggota JKWPKL&P sedang berlatih menggunakan alat pemadam api.

2.11.6 Program Keselamatan Sinaran

Akta Perlesenan Tenaga Atom (Akta 304) telah diwartakan pada 1984, dan ia diwujudkan untuk mengawal aktiviti yang melibatkan pengionan radioaktif. Di bawah akta ini, ia berfungsi untuk memantau dan melaksanakan aktiviti-aktiviti dan melaksanakan penguatkuasaan terhadap fasiliti/bahan yang melibatkan kepenggunaan radioaktif di dalam perubatan.

KKM juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan radiologi khusus yang diberikan di hospital-hospital/klinik-klinik radiologi swasta/kerajaan. Ini bertujuan memastikan maklumat diagnostik yang diperolehi adalah pada tahap optima dan dedahan sinaran yang diterima oleh pesakit dan kakitangan adalah pada tahap yang serendah mungkin.

Jadual 67: Ringkasan maklumat aktiviti ini bagi hospital-hospital/klinik-klinik bagi kawasan WPKL&P tahun 2008

Bil.	Aktiviti-Aktiviti		Pencapaian JKN 2008 (Bil. Klinik Swasta) WPKL & Putrajaya
1.0	Pengeluaran Notis & Peringatan		
	1.1 Notis Pembaharuan	S	60
		P	54
	1.2 Peringatan Akhir	S	20
		P	20
2.0	Keperluan Tambahan QAP		
	2.1 Peringatan QAP	S	10
		P	0
	2.2 Penyemakan QAP	S	10
		P	2
3.0	Lawatan Pemeriksaan		
	3.1 Siasatan Tamat Tempoh	S	30
		P	22
	3.2 Pematuhan Kehendak Pelesenan STOR / GUNA	S	10
		P	4
	3.3 Pematuhan Status Lesen STOR	S	5
		P	2
	3.4 Syarikat Juru Perunding KELAS H	S	5
		P	1
	3.5 Hospital / Klinik Kesihatan Kerajaan	S	2
		P	1
	3.6 Lawatan Aduan Awam / FOMEMA	S	2
		P	0